

08/09/2001

Keselesaan hidup rakyat Sarawak diberi keutamaan

Khairul Anwar Rahmat

KEMENTERIAN Pembangunan Luar Bandar (KPLB) memberi jaminan bahawa Kerajaan Pusat akan meneruskan usaha melengkapkan semua kawasan luar bandar dengan prasarana asas dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8).

Untuk memastikan mutu prasarana baik, kementerian juga mengemaskinikan mekanisme pelaksanaan program prasarana itu yang membabitkan penggunaan konsep bersepadu dan kerjasama strategik dengan kerajaan negeri.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid, berkata dalam tempoh RMK-8, program pembangunan prasarana yang akan dilaksanakan kementeriannya meliputi projek menaik taraf jalan kampung bernilai RM740 juta, bekalan air luar bandar (RM410 juta), bekalan elektrik luar bandar (RM463 juta), lampu jalan kampung (RM60 juta), jalan luar bandar (RM850 juta) dan pusat pertumbuhan desa/penempatan semula kampung (RM97 juta).

Katanya, pelaksanaan projek itu menelan belanja RM2.62 bilion atau kira-kira 51 peratus daripada peruntukan keseluruhan RMK-8 bagi kementerian yang berjumlah RM5.12 bilion.

Beliau berkata, dalam mengagihkan peruntukan kepada negeri-negeri, Sarawak mendapat peruntukan tertinggi berbanding negeri lain, khususnya untuk projek jalan kampung, jalan luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan bekalan air luar bandar.

Ini kerana Sarawak adalah sebuah negeri tumpuan yang masih memerlukan pembangunan prasarana, terutama di kawasan pedalaman. Hakikatnya, dalam konteks pembangunan luar bandar, perhatian dan layanan lebih berimbang diberikan kepada keperluan di Sabah dan Sarawak, berbanding negeri lain di Semenanjung.

Kelebihan ini bukan bermakna negeri di Semenanjung semuanya sudah maju, manakala Sabah dan Sarawak masih mundur, sebaliknya, strategi itu diatur supaya daya pacuan program pembangunan luar bandar di Sabah dan Sarawak dilipatgandakan untuk menjamin keselesaan dan kemajuan penduduknya.

Buktinya, bagi peruntukan pembangunan tahun ini saja, iaitu dalam tempoh tahun pertama RMK-8, daripada RM1.48 bilion peruntukan yang diperolehi KPLB, hampir 20 peratus diberikan kepada Sarawak, menjadikannya negeri yang memperolehi peruntukan terbanyak daripada kementerian itu.

"Sebagai contoh, dalam projek yang lebih khusus bagi bekalan elektrik luar bandar, sejumlah RM55 juta diperuntukkan kepada Sarawak tahun ini berbanding RM32.4 juta tahun lalu iaitu peningkatan 69.8 peratus.

"Untuk bekalan air luar bandar pula, tahun ini Sarawak diperuntukkan RM42 juta berbanding RM22 juta tahun lalu, iaitu peningkatan 91 peratus," katanya.

Azmi berkata, selain itu, mengikut program prasarana dan kemudahan asas, tahun ini Sarawak memperolehi peruntukan terbesar berjumlah RM172 juta iaitu 18.9 peratus daripada keseluruhan peruntukan kementerian yang berjumlah RM908 juta.

Sebenarnya, angka itu tidak termasuk peruntukan berasingan yang disalurkan menerusi pelbagai program dan projek lain yang dikelompokkan mengikut sektor pembangunan sosial dan manusia, ekonomi desa, teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dan kemudahan pengurusan, serta pembangunan sosial.

Dalam hubungan ini, katanya, kerajaan memberi jaminan bahawa Sarawak tidak akan ditinggalkan setiap kali KPLB mengetengahkan sebarang program atau projek baru pembangunan luar bandar, termasuk program berkaitan kemudahan asas di kampung, teknologi maklumat, kesejahteraan rakyat dan

pembangunan wilayah kecil.

Malah, dalam konteks kursus dan kegiatan berasaskan latihan sekali pun, bilangan, jenis dan kekerapan untuk Sarawak terus ditambah setiap tahun, termasuk setiap kursus baru yang diperkenalkan dan berkaitan dengan pakej latihan khas untuk Medan Info Desa perintis di Kampung Buntal, Santubong, katanya.

Ini tidak termasuk beberapa kursus tambahan yang dirangka dan dilaksanakan atas permintaan atau perakuan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Sarawak sebagaimana yang dimulakan sejak tahun lalu.

Sesungguhnya, agihan peruntukan itu membuktikan kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada kesejahteraan rakyat Sarawak.

Pelaksanaan projek pembangunan luar bandar di Sarawak dan negeri lain adalah hasil kesungguhan kerajaan untuk memberikan kesejahteraan kepada seluruh penduduk luar bandar di Malaysia.

Langkah itu, seiring dengan Falsafah dan Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar atau lebih dikenali sebagai Transformasi Kedua Pembangunan Luar Bandar yang dilancarkan hampir tujuh tahun lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebagai satu dasar negara, Transformasi Kedua itu mengemukakan suatu anjakan paradigma dalam pemikiran dan pendekatan, sebagai pelengkap kepada falsafah yang mendasari Transformasi Pertama Pembangunan Luar Bandar yang diasaskan Allahyarham Tun Abdul Razak, Menteri Pembangunan Luar Bandar pertama dan Timbalan Perdana Menteri ketika itu.

Ringkasnya, Transformasi Pertama memaparkan program raksasa kerajaan yang baru merdeka ketika itu untuk segera membangunkan prasarana fizikal dan membekalkan kemudahan asas kepada rakyat. Transformasi Kedua pula mengukuhkan strategi awal dengan penumpuan lebih menjurus ke arah membangunkan sumber daya insaniah, terutama masyarakat di desa.

Bertitik tolak daripada hasrat menterjemah Falsafah Transformasi Kedua itu, beberapa strategi operasi dirangka, daripada pernyataan azam untuk membangunkan insan cemerlang dan keluarga sejahtera, sehinggalah kepada hasrat untuk membangunkan ekonomi mapan dan membina prasarana berkesan untuk masyarakat di luar bandar.

Gerakan Desa Wawasan (GDW) yang dilancarkan Dr Mahathir pada 1996 juga adalah satu daripada program konkrit yang dikemukakan mengikut kerangka pelaksanaan transformasi berkenaan.

Menerusi program massa, GDW yang bermaksud meningkatkan pengupayaan rakyat ini, warga desa dirundingi, diajak, digalak dan dibimbing untuk membabitkan diri secara cergas dan langsung dalam arus utama pembangunan diri, masyarakat dan negara.

Dalam pengertian yang menyeluruh, cita-cita murni yang tersirat dalam GDW untuk menjadikan desa sebagai kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan.

Sejajar dengan tumpuan mengikut Transformasi Kedua ini, KPLB akan terus melipatgandakan usaha membangunkan sumber daya insaniah, dengan memberi penekanan berterusan ke atas latihan.

Bagi menyerlahkan jati diri bangsa Malaysia yang sentiasa rela berbakti untuk kesejahteraan manusia sejagat, usaha sedang diteroka untuk mengetengahkan dengan lebih agresif lagi kisah dan pengalaman lebih 40 tahun muafakat warga Malaysia membangunkan negara, menyusun keharmonian masyarakat berbilang kaum dan menangani kemiskinan.

Justeru, tidak hairanlah apabila Persidangan Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam pada Jun tahun lalu meminta Malaysia membantu negara anggota lain dengan menghulurkan bantuan teknikal khusus berhubung kaedah dan pendekatan Malaysia 'menangani kemiskinan', terutama untuk kesejahteraan masyarakat luar bandar.

(END)

